




KEHADIRAN jurulatih di sisi membantu memantapkan kemahiran pelatih Kor Suksis USIM dalam mengendalikan senjata api.

Gema tembakan M16 Suksis USIM



LAPANG Sasar Polis Diraja Malaysia (PDRM) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka di Bukit Beruang baru-baru ini bergema dengan bunyi tembakan senjata Colt M16-A1 apabila seramai 187 pelatih Kor Sukarelawan Siswa Siswi Polis (Suksis) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai program menembak tahunan anjuran Suksis USIM.

Para pelatih yang terdiri daripada Skuad 7, 8 dan 9 ini ternyata teruja dengan program yang diaturkan khas untuk mereka. Ia sebagai salah satu keperluan bagi memenuhi modul-modul latihan sepanjang mereka mengikuti Kor Suksis.

Dikendalikan oleh Unit Persenjataan (AMRA) IPK Negeri Sembilan yang terdiri daripada 13 orang jurulatih, program itu telah memberi keyakinan dan keberanian kepada peserta untuk menyelesaikan tugas ini terutamanya bagi mereka yang pertama kali merasai pengalaman memegang senjata api.

Bagi pelajar tahun satu Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) dari Skuad 9, Najwa Murtaza, 20, aktiviti itu memberi peluang kepada dirinya untuk memegang senjata M16.

"Perasaan saya amat teruja untuk mengikuti latihan menembak pada hari ini. Saya akui berasa gementar tatkala mendengar bunyi tembakan M16, tetapi dengan adanya jurulatih di sisi, saya menjadi lebih tenang.

"Mereka banyak berkongsi tip seperti mengawal pernafasan dan membuatkan posisi menembak. Ia amat membantu melegakan saya ketika itu. Saya sungguh seronok untuk mengikuti latihan seperti ini lagi," katanya.

Seorang lagi peserta yang juga pelajar

tahun dua Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dari Skuad 7, Jamiqulhuda Ahmad, 21, menyifatkan latihan seperti ini amat bagus kerana ia melatih peserta untuk lebih fokus dan berdisiplin.

"Sepanjang empat semester mengikuti latihan Kor Suksis USIM, ini merupakan kali keempat saya menyertai latihan menembak seperti ini. Ia secara tidak langsung mengasah bakat saya dalam lapangan ini kerana markah yang diperolehi lebih baik dari sebelum ini," katanya.

Sepanjang mengikuti Kor Suksis selama enam semester, para pelajar berpeluang mengikuti beberapa siri latihan menembak menggunakan pistol Smith and Wesson .38 dan M16. Melaluinya, ia dapat memantapkan kemahiran pelatih dalam mengendalikan senjata api.

Sebelum mengikuti latihan menembak ini, para peserta akan mengikuti latihan *musketery* terlebih dahulu bagi memastikan para pelatih bersedia dan mengenali fungsi senjata yang digunakan serta aspek keselamatan yang perlu diberi perhatian.

Program menembak kali ini turut disertai oleh pengurusan kanan universiti, antaranya Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni merangkap Komandan Kor Suksis USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah dan Jurulatih Kor Suksis USIM.

Sementara itu, seramai 56 pelatih dari Skuad 7 akan menamatkan latihan dan seterusnya ditauliahkan sebagai Inspektor Kor Suksis dalam satu majlis khas di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Batu Pahat, Johor pada Ogos ini. 🍎